



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## **JKR MENYIAPKAN PEMASANGAN JAMBATAN COMPACT BAILEY DI SUNGAI LUI, HULU LANGAT BAGI BANTU PENDUDUK TERJEJAS**

HULU LANGAT: Kementerian Kerja Raya menerusi Jabatan Kerja Raya Malaysia hari ini telah menyiapkan kerja-kerja pemasangan Jambatan Compact Bailey di Batu 19, Jalan Sg Lui, Hulu Langat. Kerja-kerja pemasangan jambatan berukuran 18 meter panjang dengan kelebaran 9 meter ini, telah dimulakan oleh Pasukan Jambatan Bailey JKR Petaling pada petang, 1 Januari 2022.

Dalam kejadian banjir di daerah Hulu Langat pada 18 Disember 2021, jambatan asal merentasi Sungai Langat yang menghubungkan jalan utama dengan beberapa buah rumah penduduk telah runtuh dan menyebabkan penduduk di kawasan terbabit terputus hubungan.

Kerja-kerja pemasangan Jambatan Bailey di Jalan Sg Lui ini membabitkan 14 orang Ahli Pasukan Jambatan Bailey JKR Petaling dan 20 orang anggota Rejimen Askar Jurutera Diraja. Manakala kerja-kerja abutment jambatan dilaksanakan oleh JKR Hulu Langat melalui kontraktor. Kerja-kerja bermula 3.00 petang semalam, 1 Januari 2022 dan pemasangan siap pada pukul 5.00 pagi, 2 Januari 2022.

Kerja-kerja pembinaan ramp dan premix jambatan ini akan dilaksanakan bermula pada hari Isnin dan dijangka akan disiapkan pada hari Selasa 4 Januari 2022.

Kementerian dan agensi juga turut mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana (BigBen), JKR Malaysia yang beroperasi 24 jam sehari bagi memantau dan melaporkan situasi banjir atau bencana alam yang berlaku di seluruh Malaysia.

Sebagai tanggungjawab korporat (CSR), Kementerian dan Agensi telah menggerakkan Misi Pasca Banjir membabitkan semua Agensi di bawah KKR bermula pada 19 Disember 2021 yang lalu. Misi yang melibatkan sukarelawan KKR Agensi, membabitkan operasi membantu perpindahan mangsa banjir, penghantaran bantuan menggunakan aset JKR, bantuan pembersihan termasuk rumah, pusat komuniti awam seperti sekolah, dewan serbaguna, surau dan lain-lain.

Disamping itu, KKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Lebuhraya EKVE turut memberikan sumbangan sebanyak empat (4) water jet dan 100 beg sekolah kepada mangsa banjir di Taman Sri Nanding.

Kementerian akan turut memberikan fokus utama Misi Pemulihan Infra pasca banjir secara berterusan untuk kesejahteraan rakyat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA  
2 JANUARI 2022**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur